MyGovUC

Tips & Tricks: Asas

# SPDT

**Sistem Penghantaran Dokumen Sulit dan Terhad (SPDT)** ialah perkhidmatan aplikasi sokongan yang dibangunkan khusus untuk **penghantaran dokumen** rasmi yang diklasifikasikan sebagai **"Sulit"** atau **"Terhad"** secara **selamat dan terkawal**.

Dibangunkan untuk kegunaan sektor awam

Digunakan bersama fungsi *Confidential Mode* (GWS)

Diurus di premis Kerajaan dan maklumat disimpan di Pusat Data Sektor Awam Negara

## SPDT: SELAMAT, TERKAWAL & DIPERCAYAI

SPDT memastikan setiap dokumen yang dihantar dijaga dan dilindungi dengan kaedah seperti berikut:

- Penyimpanan maklumat di premis Kerajaan dalam negara.
- Penyimpanan fail sementara sehingga 14 hari.
- Kawalan kata laluan & tarikh tamat akses pada setiap pautan.
- Penyulitan data menggunakan algoritma *Advanced Encryption Standard* (AES)
- Penyekatan "Forward", "Copy", "Download" & "Print" melalui *Confidential Mode.*



Selain daripada **Dokumen Sulit dan Terhad, SPDT juga boleh digunakan untuk penghantaran dokumen** yang diklasifikasikan sebagai "**Terkawal**" atau "**Terbuka**" bagi mengukuhkan keselamatan terhadap dokumen tersebut.

## SPDT MELINDUNGI DOKUMEN ANDA

**Pastikan penerima yang sah sahaja boleh mengakses dokumen** dan dilarang untuk dikongsi semula dokumen tersebut tanpa kebenaran.

**Ringkasan Penggunaan SPDT:**

1. **Muat naik dokumen** sama ada **sulit, terhad, terkawal atau terbuka** ke SPDT.
2. **Jana pautan dokumen** berserta kata laluan dan tarikh tamat akses.
3. **Aktifkan fungsi *confidential mode*** dan **hantar e-mel** berserta pautan.
4. **Berkongsi kata laluan** dengan penerima **melalui medium komunikasi** lain seperti aplikasi Chat.

Pengguna disarankan untuk menggunakan e-mel rasmi **bagi tujuan penghantaran dokumen secara selamat.**



**PERHATIAN!**

**Penghantaran** dan **penyimpanan** maklumat **RAHSIA** dan **RAHSIA BESAR** adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan Keselamatan Digital
Jabatan Digital Negara
Kementerian Digital

03-8684 8484
mejabantuan@mygovuc.gov.my
Freshservice